



Sebahagian pemimpin setempat bersama ahli lembaga pelawat Hospital Banting sempat memberi semangat kepada pesakit.

## Jabatan kecemasan pindah sementara

**BANTING** - Pelanggan Hospital Banting yang ingin mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma dinasihatkan ke Wad 2 buat sementara waktu sehingga 12 Mac 2018.

Pelanggan Hospital Banting yang ingin mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma dinasihatkan ke Wad 2 buat sementara waktu sehingga 12 Mac 2018.

Pengarah Hospital Banting, Dr Sabrina Che Ab Rahman berkata, perpindahan tempat dilakukan ekoran kerja-kerja pemasangan sistem gas perubatan dan penyelenggaraan lain dilakukan di wad kecemasan untuk tempoh sebulan.

Bagaimanapun, ia juga sebagai sebahagian kerja-kerja pemasangan

sistem gas perubatan iaitu oksigen, gas perubatan dan vakum termasuk sistem perpaipan dan lain-lain kerja berkaitan di Hospital Banting.

"Segala kerja berkenaan telah bermula pada 27 Julai 2017 untuk penambahbaikan infrastruktur bagi keselesaan dan keselamatan pesakit-pesakit," katanya.

Dr Sabrina berkata, pihak hospital sentiasa memberi perkhidmatan dan keutamaan kepada pelanggan setiap hari.

Dalam pada itu, satu lawatan ke wad-wad di Hospital Banting sempena Tahun Baru Cina telah diadakan oleh beberapa pemimpin setempat Ahli Lembaga Pelawat (ALP) Hospital Banting, semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengarah

Hospital Banting, Md Ibrahim Md Razale, Pengerusi ALP Hospital Banting, Michael Chow Siew Weng dan Ketua Wanita MCA Bahagian Kuala Langat, Ng Siok Hwa.

Sementara itu Siok Hwa berkata, menjadi tradisi sempena Tahun Baharu Cina satu lawatan ke hospital diadakan bagi beri semangat kepada pesakit terutama kaum Cina.

Memurutnya, kemudahan pesakit di Hospital Banting kini sudah diberi perhatian dalam usaha bantu beri keselesaan kepada pesakit.

Dalam lawatan tersebut seramai 136 pesakit yang berada di empat wad menerima sumbangan angpau, limau dan kad raya Tahun Baharu Cina daripada pemimpin setempat yang hadir.